

28 OCT 1999

DR MAHATHIR MAHU AGENSI SIASAT PUNCA BANJIR

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata usaha perlu dibuat untuk mengenal pasti punca banjir di beberapa negeri di semenanjung walaupun pada hakikatnya diketahui bahawa hujan lebat menyebabkan kawasan-kawasan itu ditenggelami air.

"Ada sebab (banjir) kerana hujan lebat. Ada kemungkinan sungai tidak dijaga baik (menyebabkan air melimpah).

"Kita juga harus tahu bagaimana banjir itu berlaku," katanya dalam temu bual dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di pejabatnya di Putrajaya.

Perdana Menteri menasihati mangsa-mangsa banjir di Kedah, Perak dan Pulau Pinang supaya bersabar dan berpindah ke tempat selamat jika diarahkan oleh pihak berkuasa.

Sehingga 6 petang ini, sebanyak 3,817 mangsa banjir di Perak masih ditempatkan di pusat pemindahan.

Di Pulau Pinang sebanyak 3,397 orang masih berada di 25 buah pusat penempatan banjir dan di Kedah terdapat 3,372 orang di tempat pemindahan di daerah Kuala Muda dan Pendang.

-- BERNAMA

ARA MAI